



PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempengerusikan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP-MSK) Ke-8 di Pusat Konvensyen Putrajaya yang berakhir kelmarin. Turut hadir (dari kanan) Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia Datuk Dr Mohamed Arif Nun.

# IAP iktiraf kemampuan Pak Lah majukan MSC

Oleh Mohd Azlan Jaafar

WAJAH Ketua Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun, tidak begitu ceria. Malah, sepanjang dua hari berlangsungnya mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) Ke-8 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), beliau mungkin kehilangan lebih banyak rambut daripada hari lain.

Jika beliau mempunyai akses kepada mana-mana aplikasi, pasti perisian atau komputer yang dapat memutar semula masa untuk diubah tarikh IAP kepada mana-mana hari lain dalam setahun, menjadi pilihan.

Ketika anggota IAP sedang menerima penjelasan perkembangan MSC Khamis lalu, kira-kira empat kilometer dari puncak tertinggi di Putrajaya yang mana IAP-MSK berlangsung, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan daripada sabitan liwat oleh Mahkamah Persekutuan.

Seorang pegawai MDC yang ditemui tengah hari itu berkata, beliau berharap tiada perkara lain yang berlaku. Doanya tidak dimakbulkan.

Pada Jumaat, di Russia, lebih 200 orang mati dalam drama tebusan, manakala di Sarawak, satu lagi helikopter terhempas dan empat orang terkorban. Kemalangan helikopter ketiga dalam enam minggu di negeri itu.

Malah, seorang petugas MDC mencadangkan rakannya terjun bangunan PCC untuk mengembalikan tumpuan kepada IAP-MSK. Wartawan hanya ketawa sambil berkata ia hanya akan menjadi berita penyendat...mungkin sebelum muka iklan.

Datuk Seri Najib Razak yang pertama kali menghadiri mesyuarat itu dalam kapasiti Timbalan Perdana Menteri selepas sidang akhbaranya berseloroh bertanya berita mana yang akan keluar lebih besar.

Sememangnya, IAP-MSK Ke-8 ini dibayangi pelbagai kejadian yang lebih besar dari aspek berita, sesuatu yang aneh sejak mesyuarat pertama di California Amerika Syarikat pada 1997.

Tetapi kepada mereka yang paling pesimistik sekalipun, IAP-MSK kali ini adalah 'showcase' untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kali pertama menerajui perjalanan mesyuarat itu.

Kehadiran jumlah tertinggi anggota dan ahli IAP sejak mesyuarat pertama IAP-MSK memberikan gambaran minat anggota untuk mendengar hala tuju MSC di bawah kepimpinan baru Malaysia.

Tetapi perkara yang berlaku menjelang mesyuarat itu adalah lebih menarik, berbanding lain. Pengkritik menyatakan keraguan mengenai keupayaan dan kehairahan Abdullah memberi nafas baru kepada pembangunan ICT negara, berbanding pelopor projek, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Tumpuan pentadbiran Abdullah kepada bidang pertanian dan meluaskan sumber kekayaan negara dilihat menolak langkah ICT sedikit ke belakang.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Silicon Graphics Ind., Bob Bishop, berkata Dr Mahathir berjaya mempersonakan ahli teknologi di Amerika tujuh tahun lalu.

"Abdullah berjaya mempersonakan kami untuk terus menyokong projek ini, terutama pelaksanaan MSC dalam fasa kedua," katanya.

MSC meliputi kawasan seluas 15 kilometer kali 50 kilometer diperuntukkan sebagai pusat bagi pembangunan ICT dan perkhidmatan berkaitan, bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Seperti KLCC, Putrajaya dan KLIA, MSC menerima kritikan hebat media asing sebagai projek mega yang membazir.

Dalam semua kritikan itu, anggota

panel dipersembahkan fakta mengenai bagaimana Malaysia kini berada di tangga ketiga di dunia dalam perkhidmatan pemerolehan luar yang dianggarkan mencapai nilai AS\$500 bilion dalam tempoh 10 tahun.

Bagaimana syarikat tempatan yang bermula dengan dua orang kini berkembang kepada 500 orang dalam tempoh tujuh tahun. Bagaimana sehingga 30 Ogos lalu, jumlah syarikat dengan berstatus MSC adalah 1,106, termasuk 773 syarikat tempatan.

MSC juga telah menarik 65 syarikat bertaraf dunia atau mengeksport produk berasaskan ICT tempatan yang mencapai RM1.2 bilion.

Walaupun perangkaan, unjuran dan statistik ini penghias menarik di slaid persembahan dan penjualan, Abdullah mempunyai visi sendiri mengenai MSC.

"Ketika jenama MSC dikenali di negara ini dan beberapa tempat tertentu di luar negara, saya juga mahu melihat jenama MSC diterima pada peringkat antarabangsa," kata Abdullah ketika merasmikan mesyuarat itu.

Ini adalah satu cabaran yang besar untuk dipenuhi oleh usahawan teknologi, tetapi bukan sesuatu yang mustahil.

Abdullah juga melihat MSC dalam persepsi mengatasi aplikasi, perisian, sistem komputer, teknologi dan jalur lebar.

Seorang pegawai merujuk kemahuan Abdullah untuk melihat nilai sebenar ICT dan MSC kepada penduduk semua peringkat dan bukan hanya ahli teknologi dan golongan peniaga.

Abdullah mahu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), orang kampung, petani, nelayan, ahli perniagaan, pelajar, profesional dan sesiapa saja menggunakan ICT untuk memberikan nilai sebenar dalam kehidupan.

Malah pada hari kedua mesyuarat, Perdana Menteri meminta peganwainya mencari kerepek kelua-

ran seorang pengusaha wanita dari Johor yang mencapai jualan RM1 juta setahun dan turut menggunakan kemudahan pemasaran internet AgriBazaar.

Abdullah mahu anggota IAP membawa pulang kerepek yang dibungkus cantik itu sebagai buah tangan bermakna mengenai Malaysia. Selain itu, turut menjadi kebanggaan Abdullah ialah bagaimana ICT memberikan makna dan nilai dalam erti kata sebenar kepada masyarakat.

Pada sidang akhbaranya Abdullah berkata: "Kita mahu mengulangi inisiatif seperti AgriBazaar supaya kita dapat menyebarkan penggunaan IT ke seluruh negara secara lebih bermakna."

Tetapi falsafah terbaik yang menggambarkan MSC diterjemahkan bekas pengerusi gergasi elektronik Jepun, NEC Datuk Dr Tadahihiro Sekimoto yang menghadiri setiap mesyuarat IAP di Malaysia sejak tujuh tahun lalu.

"MSC is like a seed...it grows... grows... I am sure it will grow bigger (MSC seperti biji benih. Ia sudah tumbuh ...tumbuh...saya yakin ia akan lebih besar)," katanya dalam bahasa Inggeris.

Dr Tadahihiro sepanjang tujuh kali hadir pada mesyuarat itu akan menggunakan penterjemah. Kali ini beliau memberanikan diri untuk menyatakan apa yang dirasakan sendiri dalam bahasa Inggeris.

"This is Japanese English. Thank you. (Ini adalah Inggeris Japan. Terima kasih)," katanya mengakhiri kenyataannya sambil menerima tepukan dari anggota lain dan hadirin.

Pada usia lebih 70-an, Dr Tadahihiro menyahut cabaran berbahasa Inggeris di negara yang bahasa itu adalah sangat ganjil. Ini adalah masa untuk rakyat Malaysia sendiri memberanikan diri menyahut cabaran MSC Versi 2.0. Masa untuk tumbuh dan tumbuh.

BH - 6/9/2004: 11 Perdana